



HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC) 2019



YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan program Home Ownership Campaign (HOC) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 1 Mac 2019 yang lalu. Program yang telah berlangsung selama tiga (3) hari (1-3 Mac 2019) dilaksanakan secara kolaborasi strategik dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).

Program HOC ini telah melibatkan aktiviti pameran dan jualan hartanah yang dibahagikan kepada tiga (3) segmen iaitu rumah berharga di bawah RM300,00.00, rumah berharga di antara RM300,001.00 hingga RM500,000.00 dan rumah berharga RM500,001.00 ke atas, khidmat nasihat perumahan daripada agensi kerajaan dan institusi kewangan yang berkaitan, klinik hartanah, klinik pengurusan kewangan berkaitan hartanah, seminar hak pembeli rumah dan lain-lain program ilmiah yang berkaitan industri hartanah.

Terdapat pelbagai tawaran dan insentif menanti pengunjung dan pembeli rumah sepanjang penganjuran HOC ini termasuklah rebat 10% daripada pemaju, pengecualian

duti setem, kemudahan pinjaman pada kadar yang menarik dan tambahan rebat sebanyak RM2000 daripada REHDA untuk 100 pembeli terpilih.

Penganjuran HOC adalah salah satu komitmen kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki selaras dengan Dasar Perumahan Negara yang telah dilancarkan pada 28 Januari yang lalu. Selain itu, penganjuran HOC adalah platform untuk memperkukuh, menyelaraskan pelaksanaan strategi dan pelan tindakan bagi menangani isu kebolehcapaian pemilikan rumah. HOC berpotensi menjadi satu medium atau One Stop Centre (OSC) bagi agensi kerajaan dan pemaju swasta untuk memasarkan rumah mampu milik di bawah satu bumbung. Dan menjadi tempat rujukan bagi rakyat untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat industri hartanah.

Selain REHDA, rakan Strategik KPKT yang turut terlibat dalam penganjuran HOC ini termasuklah PR1MA, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan UDA Holdings Berhad (UDA).



Sumber: Unit Komunikasi Korporat